26/07/2002

Tiga sukan jadi tumpuan utama Malaysia

Badrulhisham Othman

BOLA sepak dan sukan pemotoran adalah dua daripada tiga jenis sukan yang bakal dilonjakkan hingga bertaraf dunia, kata Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Manakala satu jenis sukan lagi akan ditentukan kemudian sambil tidak menolak tenis atau golf sebagai pilihannya.

"Saya turut ingin melihat kemajuan sukan sepak takraw... tapi kita dulu kaji bagaimana melonjakkannya," katanya yang ditemui selepas tiba di Manchester untuk menemui atlit negara pada Sukan Komanwel 2002 semalam.

Langkah itu perlu dilakukan agar kita lebih fokus dalam membangunkan sukan negara hingga mencapai tahap tertinggi.

Usaha membangunkan sukan negara dengan penyediaan dengan infrastruktur bersukan menelan ratusan juta ringgit harus diimbangi dengan pencapaian membanggakan di mata dunia.

Prestasi beku sukan bola sepak negara berbanding negara seperti Korea dan Jepun yang dulu setaraf dengannya turut dibincangkan dalam Kabinet.

Sukan pemotoran sudah mempunyai kelengkapan bertaraf dunia yang belum digunakan sepenuhnya.

Hishammuddin berkata kementeriannya akan mengambil langkah bersepadu termasuk bekerjasama dengan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) untuk menangani isu itu.

"Perdana Menteri pada mesyuarat Kabinet lalu meminta saya melihat masalah kelemahan sukan bola sepak negara dan mengambil langkah mengatasinya.

"Perbincangan mengenai bola sepak ini timbul ketika saya membentangkan kertas persiapan atlit kita menghadapi Sukan Komanwel," kata Hishammuddin.

Sekalipun FAM melaksanakan pelbagai program pembangunan sejak pertengahan 80-an, hasilnya amat perlahan. Persembahan pasukan kebangsaan yang turun naik di pentas antarabangsa bagai yo-yo dan tidak dapat menyamai era kegemilangan tahun 60an hingga awal 80-an.

Malah, nama-nama seperti Allahyarham Mokhtar Dahari, Soh Chin Aun, Ghani Minhat dan mendiang R Arumugam masih lagi meniti di bibir peminat bola sepak tempatan sekalipun era mereka sudah berpuluh tahun berlalu.

Rasa prihatin Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad seperti dinyatakannya dalam Kabinet mudah dimengertikan kerana bola sepak akan mampu melonjakkan nama negara seperti dialami Korea Selatan dan Jepun, pada Piala Dunia lalu.